

KONSEP KENDIRI DAN PEMBELAJARAN BAHASA INGGERIS

MOHD NUR FITRI BIN MOHD SALIM

Perubahan arus pemodenan telah banyak memberi impak kepada bagaimana cara seseorang individu melihat dirinya. Charles Donald Spielberger di dalam *Encyclopedia of Applied Psychology* menerangkan bahawa konsep sendiri berkait rapat dengan tahap penilaian kualiti seseorang terhadap dirinya. Hal ini ditakrifkan dengan lebih lanjut oleh Daphna Oyserman, seorang ahli akademik tersohor di dalam bidang psikologi yang menjelaskan konsep sendiri sebagai suatu jawapan kepada soalan yang berkaitan dengan asal usul, identiti dan penyesuaian diri seseorang. Apatah lagi, dengan kepesatan perkembangan media sosial pada masa kini secara tidak langsung mempengaruhi konsep sendiri seseorang, bukan sahaja pada persekitaran fizikal, tetapi juga di alam maya.

Di dalam persekitaran masyarakat yang menerima bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dan kepesatan media sosial yang rata-rata berteraskan bahasa Inggeris, penggunaan bahasa ini jelas mempengaruhi konsep sendiri para pelajar. Pengaruh penggunaan bahasa Inggeris terhadap konsep sendiri seseorang adalah seperti pengaruh hubungan seorang kanak-kanak dengan ibu bapanya, Menurut Jamaludin Ramli, di dalam penulisannya yang bertajuk 'Pengertian Konsep Kendiri', hubungan yang tidak sejahtera di antara kanak-kanak dengan ibu bapanya akan memberi kesan negatif terhadap perkembangan konsep sendiri kanak-kanak tersebut. Hasil daripada itu, kanak-kanak tersebut akan mempunyai tahap keyakinan diri yang rendah dan lebih cenderung untuk menjadi seorang yang pasif.

Dengan menggunakan analogi ini, perkaitan yang sama juga dapat dilakukan terhadap hubungan yang 'tidak sihat' bagi seseorang pelajar dengan bahasa Inggeris. Sekiranya hubungan dengan bahasa Inggeris ini tidak diperbaiki, maka kesan negatif terhadap konsep sendiri para pelajar akan terus terbina. Oleh itu, tidak hairanlah jika kita melihat wujudnya segelintir pelajar yang pasif dan kelihatan kurang berkeyakinan di dalam kelas bahasa Inggeris. Ini jelas berbeza dengan segelintir pelajar lain yang aktif dan responsif terhadap isi kandungan pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris di dalam kelas, mereka rata-rata kelihatan mempunyai persepsi positif terhadap pembelajaran bahasa kedua ini. Perkara ini dijelaskan dengan lebih mendalam oleh L.E. Wells di dalam penulisannya yang bertajuk '*Theories of Deviance and Self-Concept*' yang mengaitkan konsep sendiri dengan perwatakan dan tingkah laku seseorang.

Bagi mengatasi masalah pengaruh negatif konsep sendiri pelajar terhadap proses pembelajaran, Paul D. Eggen dan Don P. Kauchak di dalam buku mereka, '*Educational Psychology: Windows On Classrooms*' telah mencadangkan beberapa langkah-langkah progresif yang patut diambil. Langkah-langkah tersebut membabitkan usaha untuk menzahirkan sifat mengambil berat terhadap pelajar dan menjadi fasilitator yang menggerakkan usaha pelajar disamping memberi mereka autonomi dalam mempelajari suatu ilmu. Jelas, hal inilah yang seharusnya diamalkan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris agar konsep sendiri para pelajar dapat dipupuk menjadi lebih utuh.

